

## Faktor-Faktor Pendorong Guru-Guru Teknikal Bukan Siswazah Menyambung Pengajian Memiliki Ijazah

Muhammad Sukri Saud & Norhisham Monil

**Abstrak** : Terdapat pelbagai faktor yang mendorong guru-guru bukan siswazah teknikal untuk melanjutkan pelajaran dan memiliki ijazah. Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui faktor yang mendorong, persediaan serta persiapan guru untuk melanjutkan pelajaran dan matlamat sebenar guru-guru bukan siswazah teknikal ingin memiliki ijazah. Responden terdiri daripada 134 orang pelajar dari kursus Kemahiran Hidup, Kejuruteraan Awam dan Elektrik dalam Program Khas Pengsiswazahan Guru yang sedang menuntut di Universiti Teknologi Malaysia. Guru-guru yang mengikuti program pengsiswazahan ini terdiri daripada mereka yang sedang berkhidmat dengan Kementerian Pendidikan Malaysia. Data dikumpulkan dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian dan diedarkan kepada responden. Penganalisan data dibuat dengan menggunakan SPSS (Statistical Package for Social Science Windows 15) dan dinyatakan dalam bentuk peratusan. Kajian mendapati secara keseluruhannya faktor pendorong dan matlamat guru memiliki ijazah dipengaruhi oleh faktor dalaman seperti sikap, minat dan motivasi. Insan yang bergelar guru mestilah sentiasa bersedia untuk menerima serta menambah ilmu pengetahuan, teknik, kemahiran dan idea yang sering berkembang begitu cepat sejajar dengan perkembangan mengikut perubahan semasa supaya tidak ketinggalan di dalam ilmu pendidikan untuk disampaikan kepada pelajar.

*Katakunci* : faktor pendorong guru teknikal bukan siswazah

### Pendahuluan

Pendidikan adalah penting dalam kehidupan manusia untuk mencapai matlamat dan hasrat utama negara. Pendidikan dapat menyatupadukan masyarakat dan berupaya melahirkan rakyat yang mampu bersaing dengan perkembangan sains dan teknologi masa kini. Pendidikan merupakan suatu usaha yang berterusan pada setiap individu. Kementerian pendidikan perlu memainkan peranannya dalam memenuhi Wawasan 2020 iaitu untuk menjadikan Malaysia negara perindustrian dan negara maju. Dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua ada menyatakan bahawa “Usaha-usaha dalam pendidikan dan latihan akan diteruskan untuk melahirkan warganegara yang mempunyai imbalan bersesuaian dengan pengetahuan dan kemahiran dengan penumpuan terhadap sains dan teknologi, nilai-nilai rohani dan moral yang tinggi, rasa bertanggungjawab, berdaya cipta, mudah lentur diri dan berupaya memberi sumbangan berkesan kepada pembangunan negara yang berharmoni, makmur dan bersatu”. (Shahril, Zainun dan Saedah, 1993).

Pendidikan dapat memupuk perpaduan negara, selain itu pendidikan juga dapat melahirkan orang perseorangan yang berpengetahuan, terlatih dan mahir untuk memenuhi keperluan tenaga manusia dan sosial yang semakin bertambah (Norshahidahbaiyah Abdul, 1998). Tujuan asas dalam pendidikan ialah untuk mengadakan sepenuhnya pengalaman pendidikan yang dikehendaki, yang membolehkan seseorang individu menghasilkan perubahan yang optima dari segi fizikal, sosial dan emosi.

Menurut Hadzri Harun (1999), pendidikan diertikan seperti berikut, “Pendidikan itu adalah mempersiapkan seseorang supaya ia dapat hidup dengan sempurna, bahagia, cinta kepada tanah airnya, kuat jasmaninya, sempurna budi pekertinya, sistematik pemikirannya, halus perasaannya, cekap dalam karyanya dan bekerjasama dengan orang lain.” Ini bermaksud tujuan pendidikan ialah untuk memupuk dan membentuk sahsiah yang bersifat lengkap dan menyeluruh. Sesuai dengan Falsafah Pendidikan Negara yang bertujuan melahirkan individu yang seimbang dan harmoni dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Menurut Ramli Khalid (1989), keperluan pendidikan sepanjang hayat adalah penting kerana terdapat perubahan yang pesat dari masa ke masa, inovasi, teknologi baru, pengeluaran-pengeluaran baru dan lain-lain. Selepas mendapat ilmu dan kemahiran yang baru, kita perlu menggantikan keduanya dengan set yang baru pula. Pada zaman sebelumnya mempelajari sesuatu bidang perniagaan atau menguasai kraf tangan dapat menjamin pekerjaan sepanjang hayat. Manakala zaman sekarang, bidang perniagaan tradisi seperti tukang besi atau perniagaan arang batu telah tidak dijalankan. Sebaliknya penggunaan kereta dan kapal terbang telah menggantikan penggantungan arang batu dan wap kepada petrol dan disel. Menurut Ramli lagi manusia cenderung mendapatkan kepuasan dalam dua sumber iaitu menjalankan sesuatu pekerjaan dengan baik, hasil daripada pengetahuan dan kemahiran yang telah di kuasainya dan melihat kepada hasil titik peluh yang telah diusahakan dan berbangga dengannya.

### **Penyataan Masalah**

Guru-guru bukan siswazah teknikal merupakan guru-guru terlatih yang mempunyai sijil atau diploma untuk mengajar. Guru-guru ini di tempatkan di politeknik, sekolah teknik atau vokasional dan sekolah-sekolah akedemik di seluruh Malaysia dengan mengajar dalam matapelajaran teknikal. Pelbagai kemahiran dibekalkan kepada guru-guru sebagai persediaan sebelum ke sekolah. Guru-guru yang menyambung pengajian terdiri daripada pelbagai faktor umur yang telah menyumbang khidmat dalam pendidikan sekurang-kurangnya empat tahun.

Guru-guru yang membuat keputusan untuk menyambung pengajian, terpaksa menempuhi pelbagai cabaran, dugaan dan pengorbanan. Terpaksa meninggalkan keluarga tersayang, meninggalkan sebahagian daripada aktiviti-aktiviti kemasyarakatan, menerima hanya setengah daripada gaji asal dan pelbagai lagi demi satu matlamat utama iaitu untuk memiliki ijazah. Segala masalah dan tekanan yang dihadapi akan diatasi dengan pengetahuan dan pengalaman sedia ada.

Sehubungan dengan itu, satu kajian perlu dijalankan untuk meninjau dan memantau guru dalam menangani cabaran dan dugaan demi segulung ijazah. Kajian ini penting untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong guru-guru teknikal untuk memiliki ijazah. Justeru itu, secara tidak langsung pihak guru dapat mencari jalan penyelesaian yang terbaik dalam menangani cabaran apabila membuat keputusan untuk menyambung pelajaran.

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk mendapatkan gambaran jelas sejauh manakah kesungguhan guru-guru bukan siswazah teknikal bersedia untuk menyambung pengajian dan memiliki ijazah. Aspek-aspek ini akan ditinjau melalui beberapa persoalan berikut :

- a) Menenalpasti faktor-faktor yang mendorong guru-guru teknikal bukan siswazah untuk menyambung pengajian dan memiliki ijazah.
- b) Menenalpasti persediaan-persediaan yang telah dilakukan oleh
- c) guru-guru teknikal bukan siswazah setelah membuat keputusan untuk menyambung pengajian.
- d) Menenalpasti persiapan guru-guru teknikal bukan siswazah dalam menghadapi pelajaran setelah lama mengajar dan meninggalkan alam pengajian.
- e) Menenalpasti matlamat sebenar guru-guru teknikal bukan siswazah untuk memiliki ijazah.

### **Kepentingan Kajian**

Melanjutkan pelajaran adalah suatu beban yang amat berat bagi guru-guru teknikal terutama yang telah berkeluarga, menanggung beban hutang yang banyak, merasakan keupayaan ingatannya yang telah berkurangan, persediaan pendidikan asas yang berkurangan dan sebagainya. Dalam keadaan yang sedemikian, namun masih ramai guru-guru teknikal yang terpaksa bersaing sesama

sendiri dan tidak melepaskan peluang untuk memohon apabila tawaran dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan dalam pelbagai program pengajian.

Oleh itu, diharapkan kajian ini akan dapat memberi panduan kepada guru-guru untuk merancang kehendak yang sepatutnya untuk masa depan karier mereka. Ia juga dapat memberi panduan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia atau Jabatan Pendidikan dalam merancang dan merangka sesuatu program kursus untuk guru-guru menyambung pelajaran supaya dapat memberi sesuatu yang relevan kepada guru-guru tersebut. Di samping itu guru-guru dapat meningkatkan pengetahuan, negara juga dapat menghasilkan lebih ramai rakyat yang berilmu, berkemahiran, berdisiplin, bermoral dan berwawasan.

### **Rekabentuk Kajian**

Kajian yang dijalankan adalah kajian jenis deskriptif, iaitu satu tinjauan secara soal selidik yang mana bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku dan mendapatkan maklumat mengenai suatu peristiwa yang telah berlaku. Menurut Mohamad Najid Ghafar (1999), kajian berbentuk ini adalah sesuai digunakan dalam penyelidikan yang menerangkan suatu fenomena yang sedang berlaku. Data-data mengenai persoalan kajian diperolehi dengan kaedah soal selidik. Pengkaji menggunakan kaedah ini kerana merasakan ianya paling sesuai untuk mendapatkan maklumat secara terperinci tentang faktor pendorong, persediaan dan matlamat guru untuk memiliki ijazah. Melalui kaedah ini juga, maklumbalas terhadap aspek yang dikaji dapat diperolehi secara terus, cepat, menjimatkan masa dan perbelanjaan. Segala maklumat yang di terima di tafsirkan secara kuantitatif dan kualitatif.

### **Populasi Dan Sampel Kajian**

Populasi kajian terdiri daripada 201 orang pelajar Program Khas Pengsiswazahan Guru tahun tiga dan empat daripada Fakulti Pendidikan. Jadual 1 menunjukkan jumlah pelajar PKPG yang mengikuti kursus Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan. Pelajar-pelajar yang sedang mengikuti pangajian dalam program yang berlainan.

**Jadual 1: Bilangan Pelajar PKPG**

| Tahun | Kursus                      | Lelaki | Perempuan | Jumlah     |
|-------|-----------------------------|--------|-----------|------------|
| Tiga  | Kejuruteraan Awam (SPA)     | 4      | 8         | 12         |
|       | Kejuruteraan Elektrik (SPE) | 17     | 4         | 21         |
|       | Kemahiran Hidup (SPH)       | 29     | 3         | 32         |
| Empat | Kejuruteraan Awam (SPA)     | 23     | 0         | 23         |
|       | Kejuruteraan Elektrik (SPE) | 34     | 10        | 44         |
|       | Kemahiran Hidup (SPH)       | 66     | 3         | 69         |
|       |                             |        |           | <b>201</b> |

Sampel kajian ini ialah seramai 134 orang telah diambil dari jumlah populasi yang ada melalui kaedah pemilihan rawak mudah. Responden telah diambil dari kursus Kemahiran Hidup, Kejuruteraan Awam, dan Kejuruteraan Elektrik yang terdapat di dalam kelas berkenaan. Menurut Krejcie dan Morgan (1970), apabila bilangan populasi 200 orang maka sampel yang perlu diambil

ialah seramai 134 orang. Di dalam perkara ini bilangan sampel yang dipilih melalui kaedah pemilihan rawak mudah telah melebihi tahap yang disarankan oleh jadual Krajcic dan Morgan.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian yang digunakan adalah berbentuk soal selidik sebagai kaedah untuk mendapatkan data kajian. Dengan menggunakan kaedah soal selidik ianya lebih mudah mendapatkan kerjasama daripada responden. Mereka bebas memilih dan menyuarakan pandangan, penilaian mengikut kehendak soal selidik serta tahu apa yang difikirkan untuk menjawab. Bilangan responden yang ramai boleh meningkatkan kebolehpercayaan kajian.

Soalan dipilih dan di ubahsuai supaya bersesuaian dengan kajian yang dijalankan. Ini dibuat berdasarkan kepada persoalan kajian. Bentuk soalan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan B. Bahagian A mengandungi 15 soalan berkenaan maklumat diri responden seperti pengkhususan, umur, jantina, status perkahwinan, pendapatan bersih bulanan responden dan pendapatan daripada sumber-sumber lain, bilangan tanggungan responden, pencapaian akedemik, jawatan, gred gaji, tempat tinggal semasa belajar, pengangkutan dan jawatan-jawatan lain di dalam masyarakat.

Manakala bahagian B pula mengandungi 30 soalan yang dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu faktor-faktor pendorong, persediaan serta persiapan guru dan matlamat utama guru untuk memiliki ijazah. Faktor yang mendorong guru-guru untuk melanjutkan pelajaran. Berbagai faktor dikaitkan seperti faktor keluarga, latar belakang pendidikan responden, persekitaran, ekonomi, perancangan hadapan dan sosial. Dalam bahagian persediaan dikaitkan dengan faktor kewangan dan persiapan untuk belajar. Dalam matlamat utama menyambung pengajian, responden dikehendaki memilih jawapan yang telah sedia ada yang diberi oleh pengkaji berdasarkan kepada pengalaman dan temubual pengkaji dengan guru-guru siswazah yang pernah mengikuti program seperti ini. Tujuan pengkaji melakukan sedemikian adalah untuk memastikan setiap matlamat yang diberikan dapat dibendung dan tidak terkeluar daripada apa yang diharapkan oleh pengkaji.

Responden dikehendaki menjawab semua soalan di kedua-dua bahagian tersebut. Item-item soal selidik di Bahagian B mengikut sistem skala kaedah Likert. Kaedah Likert ini digunakan kerana ia mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan. Skala Likert mengandungi lima nilai skor bagi menunjukkan darjah persetujuan responden terhadap sesuatu item. Responden perlu menyatakan peringkat persetujuan, tidak pasti atau tidak setuju terhadap setiap pernyataan yang diberi. Jadual 2 menunjukkan Skala Likert berserta dengan markah skor.

**Jadual 2 : Skala Pemeringkatan Likert**

| Skala Likert | Pengkelasan             |
|--------------|-------------------------|
| 1            | Amat Tidak Setuju (ATS) |
| 2            | Tidak Setuju (TS)       |
| 3            | Tidak Pasti (TP)        |
| 4            | Setuju (S)              |
| 5            | Amat Setuju (AS)        |

### **Kajian Rintis**

Bagi mendapatkan kebolehpercayaan dan kesahan alat kajian iaitu instrumen kajian, ujian rintis telah dijalankan ke atas 20 orang guru yang mengikuti Program Khas Pengsiswazahan Guru daripada kursus Kemahiran Hidup, Kejuruteraan Awam, dan Kejuruteraan Elektrik. Kajian rintis ini bertujuan untuk mengetahui samada responden memahami atau tidak soalan-soalan yang

dikemukakan dan melihat kesesuaian item-item yang digunakan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaannya. Set soal selidik diproses dengan menggunakan Perisian Statistical Package For Sosial Science (SPSS).

Menurut Mahamad Najib Ghaffar (1999), instrumen yang dibina sendiri oleh pengkaji memerlukan kajian rintis untuk menguji keobjektifan, kesahan dan kebolehpercayaan soalan. Melalui kajian rintis, kebolehpercayaan soal selidik dapat ditentukan di mana kebolehpercayaan memberi darjah ketekalan dan ketepatan instrumen pengukuran. Instrumen yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi akan memberi keputusan yang tekal atau hampir sama setiap kali ia digunakan dalam situasi yang setara.

Hasil daripada kajian rintis ini, penyelidik telah mendapati nilai Alpha 0.9926 setelah diproses dengan menggunakan SPSS Windows 15.0. Ini menunjukkan soal selidik yang dibina itu mempunyai nilai kebolehpercayaan yang agak tinggi dan berupaya mengukur pembolehubah-pembolehubah dalam kajian ini dengan baik.

### Analisis Data

#### Faktor-faktor Pendorong Guru-guru Teknikal Bukan Siswazah Untuk Menyambung Pengajian Dan Memiliki Ijazah

Berdasarkan kepada persoalan-persoalan yang dicadangkan, penyelidik mendapati ramai responden bersetuju dengan faktor-faktor yang membantu atau mendorong responden untuk menyambung pengajian serta memiliki ijazah. Jadual 4.1 menunjukkan dapatan yang diperolehi bagi menjawab persoalan ini. Data yang dikutip berbentuk lima peringkat diubahsuai kepada tiga peringkat iaitu maklum balas amat setuju dan setuju disatukan sebagai setuju. Maklum balas tidak pasti dikekalkan dan maklum balas amat tidak setuju dan tidak setuju disatukan sebagai tidak bersetuju.

**Jadual 3 : Faktor-faktor pendorong guru-guru melanjutkan pelajaran dan memiliki ijazah.**

| Bil. | Item-item Soalan  | Responden |      |             |      |              |      | Nilai |
|------|---|-----------|------|-------------|------|--------------|------|-------|
|      |   | Setuju    |      | Tidak Pasti |      | Tidak Setuju |      | Min   |
|      |   | N         | %    | N           | %    | N            | %    |       |
| 1.   | Saya berminat untuk melanjutkan pelajaran setelah mendapat dorongan daripada ahli-ahli keluarga.          | 81        | 60.5 | 18          | 13.4 | 35           | 26.1 | 3.49  |
| 2.   | Saya ingin melanjutkan pelajaran setelah melihat kejayaan rakan-rakan yang mengikuti program seperti ini. | 96        | 71.7 | 15          | 11.2 | 23           | 17.1 | 3.76  |
| 3.   | Saya melanjutkan pelajaran setelah merasakan diri saya mampu untuk mengikutinya.                          | 102       | 76.2 | 18          | 13.4 | 14           | 10.4 | 3.81  |

|     |  | Setuju |  | Tidak Pasti |      | Tidak Setuju |      | Min  |
|-----|--|--------|--|-------------|------|--------------|------|------|
|     |  | N      | %  | N           | %    | N            | %    |      |
|     |  | 4.     | Saya melanjutkan pelajaran kerana bosan dengan situasi sekolah | 70          | 52.2 | 24           | 18.0 |      |
| 5.  | Saya mengambil keputusan untuk menyambung pengajian kerana mampu dari segi kewangan dan belajar          | 84     | 62.7   | 28          | 20.9 | 22           | 16.4 | 3.63 |
| 6.  | Saya melanjutkan pelajaran setelah mendapati ada kelemahan dan kekurangan ilmu pada diri saya.           | 100    | 74.6   | 18          | 13.4 | 16           | 12.0 | 3.73 |
| 7.  | Saya melanjutkan pelajaran kerana berminat dalam pelajaran dan ingin menambah ilmu pengetahuan.          | 92     | 68.5   | 24          | 18.0 | 18           | 13.5 | 3.67 |
| 8.  | Keinginan untuk melanjutkan pelajaran adalah di atas inisiatif saya sendiri.                             | 100    | 74.6   | 24          | 18.0 | 10           | 7.4  | 3.88 |
| 9.  | Saya ingin memiliki ijazah untuk meningkatkan taraf profesion saya.                                      | 118    | 88.0   | 4           | 3.0  | 12           | 9.0  | 4.11 |
| 10. | Saya ingin menyambung pelajaran kerana menyedari bahawa kewajipan belajar itu adalah tuntutan agama saya | 122    | 91.0   | 4           | 3.0  | 8            | 6.0  | 4.22 |

Dalam membuat analisis berhubung dengan aspek mendapat dorongan daripada ahli-ahli keluarga untuk melanjutkan pelajaran, didapati sebanyak 81 orang (60.5 %) bersetuju, 18 orang (13.4 %) tidak pasti dengan dorongan tersebut dan sebanyak 35 orang (26.1 %) menyatakan tidak setuju. Min bagi item ini adalah 3.49.

Bagi menjelaskan pernyataan mengenai dorongan daripada kejayaan rakan-rakan yang telah mengikuti program seperti ini, didapati sebanyak 96 orang (71.7 %) bersetuju dengan faktor pendorong tersebut. Manakala 15 orang (11.2 %) tidak pasti dan 23 orang (17.1 %) tidak setuju. Min bagi item ini adalah 3.76.

Berhubung dengan pernyataan diri responden yang mampu untuk mengikuti pengajian mendapati sebanyak 102 orang (76.2 %) bersetuju dan 18 orang (13.4 %) tidak pasti dengan

kenyataan tersebut. Manakala 14 orang (10.4 %) menyatakan tidak setuju kepada pernyataan tersebut. Min bagi item ini adalah 3.81.

Seterusnya mengenai kenyataan faktor pendorong responden untuk melanjutkan pelajaran adalah disebabkan bosan dengan situasi sekolah mendapati sebanyak 70 orang (52.2 %) bersetuju, 24 orang (18.0 %) tidak pasti dan 40 orang (29.8 %) tidak setuju dengan kenyataan-kenyataan tersebut. Min bagi item ini adalah sebanyak 3.32.

Kenyataan bagi item 5 iaitu, pendorong untuk menyambung pengajian adalah kerana mampu dari segi kewangan dan belajar. Didapati sebanyak 84 orang (62.7 %) bersetuju, 28 orang (20.9 %) tidak pasti dan 22 orang (16.4%) tidak setuju. Min bagi item ini adalah 3.63.

Sebanyak 100 orang (74.6 %) menyatakan setuju dalam item ke enam iaitu menyambung pengajian terdorong apabila didapati ada kelemahan dan kekurangan ilmu pada diri responden. Manakala 18 orang (13.4 %) tidak pasti dan 16 orang (12.0 %) tidak setuju kepada dorongan tersebut. Min bagi item ini adalah 3.73.

Responden melanjutkan pelajaran kerana berminat dalam pelajaran dan ingin menambah pengetahuan, didapati sebanyak 92 orang (68.5 %) setuju, 24 orang (18.0 %) tidak pasti dan 18 orang (13.5 %) menyatakan tidak setuju. Min bagi item ialah 3.67. Keinginan untuk melanjutkan pelajaran adalah di atas inisiatif responden sendiri telah didapati sebanyak 100 orang (74.6 %) bersetuju, 24 orang (18.0 %) menyatakan tidak pasti dan 10 orang (7.4 %) tidak bersetuju. Min dalam item ini sebanyak 3.88.

Bagi item 9 iaitu, dengan memiliki ijazah dapat meningkatkan taraf profesion perguruan responden. Didapati sebanyak 118 orang (88.0 %) menyatakan setuju, 4 orang (3.0 %) tidak pasti dan 12 orang (9.0 %) menyatakan tidak setuju dengan item tersebut. Min bagi item ini ialah 4.11.

Bagi item 20 iaitu, responden faham dan sedar bahawa kewajipan belajar itu adalah tuntutan agama mereka, didapati sebanyak 122 orang (91.0 %) bersetuju, 4 orang (3.0 %) tidak pasti dan 8 orang (6.0 %) tidak bersetuju dengan faktor pendorong tersebut. Min bagi item ini adalah 4.22.

Jadual di bawah menunjukkan purata peratus responden mengikut faktor pendorong guru-guru bukan siswazah untuk menyambung pengajian dan memiliki ijazah. Daripada dapatan kajian yang dijalankan, didapati sebanyak 72.00 % bersetuju, 13.23 % tidak pasti dan 14.77 % tidak bersetuju. Nilai taburan min bagi persoalan ini adalah 3.76.

## **Perbincangan**

Apakah faktor-faktor yang mendorong guru-guru bukan siswazah teknikal untuk melanjutkan pelajaran dan memiliki ijazah. Daripada dapatan kajian yang dijalankan ahli-ahli keluarga juga merupakan pendorong yang mendorong responden untuk menyambung pengajian. Terdapat 81 orang (60.5%) daripada 134 orang yang bersetuju mendapat dorongan daripada ahli-ahli keluarga untuk melanjutkan pelajaran. Sebahagian besar responden yang mendapat dorongan untuk menyambung pengajian adalah terdiri daripada responden yang bersuami atau beristerikan guru. Ini disebabkan oleh kesefahaman di dalam kerjaya tersebut. Manakala 35 orang (26.1 %) menyatakan tidak setuju dan bukan dorongan daripada ahli keluarga.

Selain daripada dorongan keluarga, secara tidak langsung dengan melihat kejayaan rakan-rakan yang telah mengikuti program seperti ini juga menjadi pendorong kepada responden. Sebanyak 96 orang (71.7 %) bersetuju dengan pernyataan tersebut berbanding 23 orang (17.1 %) yang tidak bersetuju. Rakan-rakan sebaya yang telah tamat pengajian dan ditempatkan semula di sekolah-sekolah berkenaan atau berhampiran banyak memberi dorongan kepada responden untuk menyambung pengajian. Ini boleh dilihat daripada perubahan status, pemikiran dan sebagainya pada rakan tersebut.

Motivasi yang ada pada diri sendiri menjadi dorongan kepada responden untuk menyambung pengajian. Dalam item 3, yang menyatakan melanjutkan pelajaran setelah merasakan diri mampu untuk mengikutinya dan didapati sebanyak 102 orang (76.2 %) bersetuju dan hanya 14 orang (10.4

%) tidak setuju. Motivasi ini juga berhubungkait dengan keadaan semasa responden di mana ianya timbul apabila melihat kejayaan rakan yang kemampuannya setanding dengan kemampuan diri sendiri. Ini bertepatan dengan pendapat McClelland (1998), memperkenalkan sejenis personaliti yang mempunyai ciri-ciri 'kehendak untuk berjaya' di mana ia mengukur setinggi mana kehendak seseorang itu untuk berjaya.

Selain daripada itu faktor sumber kewangan yang mencukupi juga merupakan motivasi kepada diri responden. Sebanyak 84 orang (62.7 %) bersetuju dengan faktor kewangan yang mencukupi sebagai pendorong untuk mereka melanjutkan pelajaran. Manakala 28 orang (20.9 %) tidak pasti dan 22 orang (16.4%) tidak setuju. Ini bertepatan dengan kajian Muhamad Rashid, Abdul Jalil dan Aziz (1993), mendapati masalah kewangan merupakan masalah yang utama yang sentiasa difikirkan oleh guru-guru yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi

Pendorong seterusnya disebabkan bosan dengan situasi sekolah dan didapati sebanyak 70 orang (52.2 %) bersetuju dengan pernyataan tersebut dan 40 orang (29.8 %) tidak bersetuju. Keadaan ini biasanya berlaku apabila perkhidmatan seseorang guru yang begitu lama dalam sesebuah sekolah serta faktor persekitaran dalaman dan luaran sekolah. Mohd Salleh (2000) menyatakan guru tidak berpuas hati untuk berkhidmat lebih lama dengan kerjaya perguruan kerana keadaan sekolah dan persekitarannya yang tidak memuaskan. Mereka kecewa dan membuat keputusan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Sebanyak seratus orang (74.6 %) bersetuju untuk menyambung pengajian apabila merasakan ada kelemahan dan kekurangan ilmu pada diri mereka. Guru perlu berubah, membaiki kelemahan diri menjadi orang yang berilmu dan menyampaikan ilmu-ilmu yang terbaru. Ini bertepatan dengan kajian Hadzri Harun (1999), mendapati guru-guru sanggup melanjutkan pelajaran untuk mendapatkan ilmu bagi memajukan diri dan menjadi lebih profesional dalam bidang perguruan. Mereka datang untuk membaiki segala kekurangan dan kelemahan ilmu supaya menjadi lebih bersedia menghadapi cabaran pendidikan, membaiki kecekapan diri dan untuk memberi kemanfaatan kepada bidang pendidikan. Cabaran-cabaran ini patut disahut oleh semua insan yang bergelar guru. Dalam usaha untuk berfungsi sebagai role model kepada murid, kaum guru sendiri harus lebih maju dari muridnya.

Sebanyak 100 orang (74.6 %) bersetuju dengan faktor yang menyatakan keinginan untuk melanjutkan pelajaran adalah di atas inisiatif sendiri dan 10 orang (7.4 %) tidak setuju. Keinginan melanjutkan pelajaran kerana dahagakan ilmu pengetahuan untuk kepentingan diri sendiri. Mereka sangat cinta dan sayangkan ilmu pengetahuan. Menurut Carl Hovland dalam Murugiah Velayutham (1997) yang menyatakan tingkah laku manusia dipengaruhi oleh beberapa faktor. Antara yang paling besar peranannya ialah sikap di mana segala perbuatan dan tingkah laku di tentukan oleh sikap kita sendiri.

Faktor seterusnya iaitu menyedari bahawa kewajipan menambah ilmu pengetahuan menjadi tuntutan agama dan didapati sebanyak 122 orang (91.0 %) bersetuju berbanding 8 orang (6.0 %) tidak bersetuju. Setiap agama menggalakkan umatnya mencari, menuntut dan menambah ilmu pengetahuan untuk membimbing diri menjadi insan yang berguna kepada masyarakat dan negara. Menurut Mustafa Abdul Rahman (1996), Nabi Muhammad s.a.w telah memberi peringatan umatnya supaya menuntut ilmu sejak dari dalam buaian hingga ke liang lahad.. Ilmu dan kemahiran adalah laksana barang yang hilang di mana sahaja ia ditemui hendaklah dipungut.

## **Rujukan**

AL. Ramaiah (1999). "Kepimpinan Pendidikan Cabaran Masa Kini". Selangor : IBS Buku Sdn. Bhd.  
Aziz Nordin dan Mohamad Arif Abdul Rani (1995). "Cabaran Kepada Guru Yang Memasuki Universiti Teknologi Malaysia Secara Terus Dan Melalui Program Kembar". Persidangan Kebangsaan Pendidikan Teknik Dan Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia., 115 –126.



- Bakhtiar Mansor (1993). "Kerjaya Perguruan." dlm. Noran Fauziah Yaakob dan Wan Rafaei Abd. Rahman. "Satu Perseptif Perkembangan Kerjaya." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dr. Zakaria Kasa (1995). " Sumbangan Falsafah Kepada Perkembangan Pendidikan Vokasional, Teknikal Dan Kejuruteraan". Persidangan Kebangsaan Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ee Ah Meng (1997). " Psikologi Pendidikan 1, Psikologi Perkembangan". Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Hajah Noresah Baharom (1994). "Kamus Dewan : Edisi Ketiga". Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1989). "Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran". Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan". Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- Mustafa Haji Daud (1991). "Tamadun Islam". Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Norshahidahbaiyah Abdul (1998). "Faktor Pendorong Pelajar Berkeluarga Lanjutkan Pelajaran Ke IPT". Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda.
- Prosiding Kebangsaan Pendidikan Teknikal & Kejuruteraan: Pendekatan Baru Terhadap Pendidikan Teknik & Kejuruteraan. 15 –16 Ogos 1995, Universiti Teknologi Malaysia.
- Rohaty Mohd Majzub dan Abu Bakar Nordin (1994). " Pendidikan Prasekolah". Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Sh. Husin Sh. Abdullah (1999). "Faktor-Faktor Yang Menyebabkan Guru-guru Bukan Siswazah (Ketukangan) di sekolah Menengah Teknik Tanjung Puteri Tidak Lanjutkan Pelajaran ke IPTA". Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda.
- Shuib Sulaiman (1999). "Permata Minda". Kuala Lumpur : Abuku Hebat Sdn. Bhd.
- Ustad Asad Awang (1999). "Kunci Kecemerlangan Diri Menurut Islam". Kuala Lumpur : Pustaka Salam Sdn. Bhd.